

Kuala Lumpur jadi hab syarikat pemula

(30 Mei 2023) Komsa, P5

PUTRAJAYA — Kuala Lumpur bakal dijadikan sebagai hab syarikat pemula dan industri digital serantau dalam usaha melonjakkan lagi aktiviti ekonomi digital negara.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, ekonomi digital merupakan satu daripada tiga sektor strategik bernilai tinggi dan mampu merancakkan pelaburan serta menawarkan pekerjaan bergaji tinggi kepada rakyat.

Jelas beliau, sektor itu diberi tumpuan oleh kementerian dalam penstrukturan semula ekonomi negara.

“Selain melonjakkan industri sedia ada seperti semikonduktor, perkilangan, minyak dan gas, komoditi ke peringkat rangkaian nilai yang bernilai tinggi dengan fokus kepada proses penghiliran nilai tinggi.

“Tiga sektor strategik yang diberi tumpuan oleh Kementerian Ekonomi adalah peralihan tenaga ke arah tenaga boleh baharu, ekonomi digital dan keterjaminan makanan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Justeru kata beliau, kementerian sedang bekerjasama

dengan kementerian lain yang terlibat di dalam ekosistem ekonomi digital iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Komunikasi dan Digital; dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri untuk merancakkan ekonomi digital negara

“Kerjasama itu perlu bagi menyelaraskan sistem sokongan awam yang dilaksanakan melalui pelbagai agensi ke arah pendekatan bersepadu untuk menambah baik ekosistem digital yang lebih berkesan,” katanya.

Dalam pada itu, ujar beliau, Malaysia sedia menggunakan khidmat pakar bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab syarikat pemula dan industri digital serantau terkemuka.

Rafizi berkata, pada penyeritaan di Forum Ekonomi Qatar minggu lalu, beliau berpeluang berkongsi pandangan bersama Jack Selby, Pengarah Urusan Thiel Capital dan pencetus Arizona Technology Innovation Summit dan merupakan kaki tangan terawal PayPal bersama-sama kumpulan pengasas syarikat seperti Elon Musk, Peter Thiel dan Reid Hoffman.



RAFIZI ketika mengadakan pertemuan bersama Jack Selby di Forum Ekonomi Qatar baru-baru ini.